

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD**  
**KAWASAN** : **LIPIS**  
**TARIKH** : **9.6.2014 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN** : **159**

**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mekanisme Kerajaan dalam menjaga kepentingan Proton daripada terjejas oleh lain-lain perusahaan automobil yang melibatkan hampir 250,000 orang pekerja mahir.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Tujuan penubuhan projek kereta nasional seperti PROTON adalah untuk meneraju pembangunan industri automotif negara. Kewujudan PROTON, antara lain, telah melahirkan banyak syarikat pengeluar komponen dan alat ganti kenderaan serta rangkaian pengedar atau wakil jualan tempatan. Kerajaan akan terus menyokong PROTON kerana ia adalah salah satu projek nasional yang menyumbang ke arah pembangunan industri automotif tempatan.

Kerajaan, dalam usaha menyokong pembangunan PROTON sebagai projek nasional, sentiasa menggalakkan syarikat untuk meningkatkan daya saingnya dengan mengambil langkah-langkah seperti, dengan izin, lebih *cost-effective*, berkualiti tinggi dan berteknologi terkini. Beberapa dasar dan langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) juga bertujuan untuk membangun dan mengukuhkan lagi keupayaan dan daya saing PROTON.

Sokongan yang akan diberi termasuklah dalam aktiviti peluasan pasaran, peningkatan produktiviti serta kualiti, pengurangan kos dan pembangunan rantaian bekalan berdasarkan pelan transformasi syarikat yang selari dengan objektif projek nasional.

Namun demikian, usaha dari pihak Kerajaan sahaja adalah tidak memadai untuk menjamin daya saing PROTON. Syarikat juga perlu mengambil langkah-langkah strategik agar PROTON menjadi lebih dinamik dan berupaya bersaing bukan sahaja di pasaran domestik, malah di pasaran global juga.